

# KAWALAN BAHAN PSIKOTROPIK

## APA ITU BAHAN PSIKOTROPIK?

Volume 3/2011

Mengikut Seksyen 30 Akta Racun 1952 (Disemak 1989), bahan psikotropik bermaksud bahan yang telah diwartakan dalam Jadual Ketiga.

1. Bahan psikotropik yang dijadualkan boleh dikelaskan sebagai ubat kurus, perangsang, penenang, hipnotik, tahan sakit, dan lain-lain.

<p style="text-align: center;"><b>ANORECTIC (UBAT KURUS)</b></p> <p>Amfepramone    Mefenorex  Aminorex        Phendimetrazine  Benzphetamine    Phenmetrazine  Fenproporex    Phentermine  Mazindol        Propylhexedrine</p>	<p style="text-align: center;"><b>ANALEPTICS &amp; CENTRAL STIMULANTS (UBAT PERANGSANG)</b></p> <p>Cathine            Methylphenidate  Ethilamphetamine    Pemoline  Femcamfamin        Pipradol  Fenetylline         Pyrovalerone  Lefetamine</p>	<p style="text-align: center;"><b>TRANQUILISERS (UBAT PENENANG)</b></p> <p>Clobazam  Clotiazepam  Diazepam dan terbitannya  Meprobramate</p>
<p style="text-align: center;"><b>HIPNOTIK DAN SEDATIF</b></p> <p>Barbituric acid    Methaqualone  Brotizolam        Methypylone  Etchlorvynol      Zolpidem  Gluthethimide    Zopiclone  Mecloqualone</p>	<p style="text-align: center;"><b>ANTIDEPRESSANT</b></p> <p>Mesocarb</p> <p style="text-align: center;"><b>TAHAN SAKIT</b></p> <p>Buprenorphine  Pentazocine</p>	<p style="text-align: center;"><b>ANASTHETICS</b></p> <p>Phencyclidine</p> <p style="text-align: center;"><b>ANTITUSSIVE (UBAT BATUK)</b></p> <p>Zipeprol</p> <p style="text-align: center;"><b>LAIN-LAIN</b></p> <p>Mitragynine                      Zolazepam</p>

**SIDANG PENGARANG:**

**PENAUNG:**

Hjh Rosnaini bt.  
Kamaruddin

**PENASIHAT:**

Adnan bin Salimin

**EDITOR:**

Asniza binti Alias  
Hafizah binti Rohaizak  
Aznur binti Muhammad  
Dennis Chong  
Zenson Yong  
Teoh Boon Ching

2. Sebarang produk yang didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan mengandungi dadah seperti berikut juga tergolong dalam Jadual Ketiga:

Alfentanil	Morphine
Dihydrocodeine	Oxycodone
Fentanyl	Pethidine
Ketamine	Sufentanil
Methadone	

3. Berikut juga terpakai di bawah jadual ketiga:

*Analogues, homologues, compounds, intermediates, derivatives, isomers, esters, ethers, and salt of the substances structurally derived.*

### Peraturan-Peraturan Racun (Psikotropik) 1989

**PERATURAN 3 (1)**

Larangan memiliki sebarang bahan psikotropik kecuali -

- (a) Orang yang dibenarkan seperti yang tertera dalam Peraturan-Peraturan Racun (Psikotropik) 1989 antaranya ialah ahli farmasi, pengamal perubatan berdaftar, doktor gigi, atau doktor haiwan; dan
- (b) Bahan psikotropik dalam miliknya adalah:-
  - (i) tujuan yang dibenarkan; dan
  - (ii) diperolehi dengan cara seperti dalam peraturan ini.

**PERATURAN 12 (1)**

Bahan psikotropik untuk tujuan selain daripada tujuan perubatan atau rawatan gigi hanya boleh dijual atau dibekalkan oleh ahli farmasi berlesen (swasta) atau pegawai farmasi (kerajaan). Bahan psikotropik buprenorphine dan methadone hanya boleh dijual atau dibekalkan setelah pengamal perubatan memiliki permit untuk membeli dan mengguna bahan tersebut.

# BERITA FARMASI

## Pembatalan Bahan Psikotropik


Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia atau Drug Control Authority (DCA), dalam mesyuaratnya yang ke-242 pada 28 Julai 2011 telah membuat keputusan membatalkan pendaftaran produk psikotropik seperti dalam jadual di bawah berkuatkuasa mulai **1 September 2011** dan selepas tarikh ini segala bentuk **pengimportan, pengilangan dan pembekalan** produk seperti dalam jadual adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Produk Psikotropik	No. Pendaftaran	Pengimport/Pengilang Berdaftar
<b>Dormicum Film-Coated Tablet 15mg</b>	MAL19920037A	Roche (Malaysia) Sdn. Bhd.
<b>Fulsed Tablets 15mg</b>	MAL08031401A	Ranbaxy (Malaysia) Sdn. Bhd.
<b>Domi Tablet 15mg</b>	MAL20020480A	Duopharma (M) Sdn. Bhd.
<b>Domi Tablet 7.5mg</b>	MAL20020479A	Duopharma (M) Sdn. Bhd.
<b>Mizolam 15mg Tablet</b>	MAL06030829A	CCM Pharmaceuticals Sdn. Bhd.

## Audit Psikotropik

Pada 28.6.2011 dan 29.6.2011, Pegawai Penguatkuasa Farmasi Cawangan Penguatkuasa Farmasi KL telah menjalankan audit psikotropik terhadap 17 buah klinik sekitar Kuala Lumpur.

Siasatan audit bertujuan mewujudkan '*check and balance*' dan untuk menghalang pemesongan dan penyalahgunaan bahan - bahan psikotropik.



Bahan-bahan yang sering dikaitkan dengan salahguna (misuse) termasuklah kumpulan benzodiazepine (seperti midazolam, alprazolam dan diazepam), terbitan narkotik (seperti dihydrocodeine), tramadol, pseudoephedrine dan dextromethorphan. Ubat-ubatan ini digunakan bertujuan sebagai ubat penenang, tahan sakit dan juga rawatan simptomatik untuk batuk dan selsema.



**MIDAZOLAM**



**PENTERMINE**



**ALPRAZOLAM**

**BERIKUT ADALAH ANTARA KESAN BURUK AKIBAT PENYALAH-GUNAAN PSIKOTROPIK:**

**UBAT PENENANG:**

- Mabuk
- Mengantuk
- Kurang kecergasan dan kawalan otot
- Pertuturan tidak jelas
- Kaku, perasaan tidak menentu
- Kematian (bila dos berlebihan atau dicampur dengan alkohol)

**UBAT PERANGSANG:**

- Perasaan khayal
- Cemas
- Pertuturan tidak jelas
- Ketakutan yang amat sangat
- Kelesuan



**DIAZEPAM**



**PHENOBARBITONE**



**BROMAZEPAM**



**DIHYDROCODEINE**

**SUDUT TRIVIA**

Tahukah anda lemak di dalam badan anda cukup untuk menghasilkan 7 ketul sabun?

# PROGRAM TERAPI GANTIAN METHADONE

Disediakan oleh: Yap Yee Won, Pegawai Farmasi Pejabat Kesihatan Kepong



METHADONE ialah sejenis opiate sintetik yang asalnya digunakan sebagai ubat penahan sakit, tetapi kini digunakan untuk rawatan terapi gantian penagihan heroin dan morfin. Program Methadone ini dimulakan di Malaysia sejak tahun 2005 di bawah *National Harm Reduction Programme*.

Program Methadone ini bertujuan mengurangkan kesan penagihan dan membendung risiko penularan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan perkongsian jarum.

## MENGAPA PILIH RAWATAN GANTIAN METHADONE?

Berbanding heroin atau morfin, Methadone adalah lebih selamat kerana ia tidak dicemari dengan bahan atau dadah lain. Methadone yang digunakan adalah dalam bentuk cecair, perlu diambil secara 'oral' dan tidak boleh disuntik.

Oleh itu, amalan perkongsian jarum dan transmisi penyakit HIV, Hepatitis B atau C dapat dielakkan. Pada masa yang sama, Methadone menghilangkan pergantungan terhadap pengambilan semula opioid, membantu pesakit berada dalam keadaan selesa dan bebas daripada simptom pengunduran dan rasa gian terhadap opioid, serta menyekat kesan dadah (opioid) yang diambil secara haram.

Selain daripada itu, kekerapan administrasi adalah sekali sehari (heroin 3-4 kali sehari) dan dibekalkan seperti rawatan pesakit luar sahaja. Ini membolehkan pesakit menjalani aktiviti atau tugas harian dengan lebih berkesan.



Walaupun bagaimanapun, Methadone masih boleh disalahgunakan.

**Antara kesan-kesan sampingan Methadone :**

- Mengantuk
- Keletihan
- Rasa loya/muntah,
- Sembelit,
- Peningkatan berat badan,
- Denyutan jantung menjadi laju atau perlahan dan susah bernafas.

Oleh demikian, terapi gantian methadone mesti dipantau dan dikawal selia dengan rapi.